

KOMUNITI 1MALAYSIA KG. PERMATANG DUKU,
BENUT PONTIAN.

TARIKH
10 MARI 2015



IR. HASNI MOHAMMAD (tiga dari kanan) menyerahkan anak angkat peserta program Pewaris Muda Negara sempena Program Semarak Johor di Dewan Orang Ramai Kampung Permatang Duku, Benut, Pontian, Johor, baru-baru ini.

UTHM, KKTP jayakan program Pewaris Muda Negara

PONTIAN 19 Mei - Seramai 80 penuntut Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Kolej Komuniti Tanjung Piai (KKTP) menyertai program Pewaris Muda Negara sempena Program Semarak Johor di Kampung Permatang Duku, Benut, di sini baru-baru ini.

Program anjuran Jabatan Penerangan negeri dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Komuniti Bestari Kampung Permatang Duku bertujuan mengeratkan hubungan mereka dengan masyarakat, sekali gus diharap mampu melahirkan pewaris bangsa yang matang dan berwibawa, cinta negara dan berinformasi.

Pengarah Penerangan negeri, Hashim Bedu berkata, antara aktiviti yang dijalankan sepanjang

program tiga hari itu termasuk sukaneka, kesenian, keagamaan, ceramah dan gotong-royong.

“Kami berharap mereka ini akan mendapat maklumat dan pengetahuan berguna untuk diterjemahkan semasa di kampus mahupun sewaktu berdepan dengan masyarakat kelak,” katanya dalam majlis perasmian program berkenaan yang disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Benut, Datuk Ir. Hasni Mohammad.

Sementara itu, Hasni yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri meminta generasi muda di negeri ini bersedia menerima sebarang perubahan yang berlaku dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, impak daripada

pelbagai perancangan yang dibuat oleh kerajaan negeri.

Beliau berkata, usaha kerajaan negeri itu termasuk menyediakan mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mampu memberikan daya saing dan nilai tambah yang diperlukan dalam bidang pekerjaan pada masa depan.

“Ini termasuklah pelaksanaan projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) antara Malaysia dan Singapura yang akan memberikan impak besar dalam pembangunan sosioekonomi generasi muda nanti.

“Namun pada masa yang sama, generasi muda jangan melupakan aspek-aspek berkaitan tanggungjawab kepada negara dan mempunyai jati diri yang tinggi sebagai pelapis kepimpinan negara kelak,” katanya.